

## Khutbah Jumaat . . .

ajaran-ajaran suci yang dibawanya, lantaran kewajiban berdakwah itu adalah terletak tanggungjawabnya di atas pundak sekalian kaum Muslimin dengan secara umum. Jauhilah diri kamu menjadi satu kaum yang sentiasa hidup di alam pura-pura, sedang segala kewajiban kamu terhadap Tuhan, terhadap agama, terhadap bangsa dan tanah airnya tidak mahu kamu lakukan dengan hati yang jujur ikhlas dan bersungguh-sungguh.

Ketahuilah oleh kamu bahawa orang yang mula-mula sekali diberi kepujian oleh Tuhan ialah orang-orang yang berjuang dengan penuh rasa keikhlasan dan kejujuran, orang-orang yang berjihad dengan mengikuti konsep dan dasar yang telah diatur oleh Islam melalui firman Tuhan yang berbunyi:

*A'ūdhu bi Allāhi mina al-shayṭāni al-rajīm*  
*“Fabashshir ‘ibādī alladhīna yastamū‘ūna<sup>2</sup>*  
*al-qawla fa yattabi‘ūna aḥsanah, ulā’ika*  
*alladhīna hadāhumu Allāh, wa ulā’ika hum*  
*ulū al-albāb”.*

Ertinya: “Maka berilah khabar gembira

kepada hamba-hamba-Ku yang mahu mendengar, perkataan (seruan) lalu diturutnya mana yang sebaik-baiknya, orang-orang inilah yang mendapat pertunjuk dari Allah dan mereka itulah orang-orang yang mempunyai akal fikiran yang sempurna.” (*Sūrat al-Zumar: 17*).

*Nafa’anī Allāhu wa byyākum bi hudā kātibih,*  
*aqūlu qawli hādihā wa astaghfiru Allāha*  
*al-‘azīmi lī wa lakum, wa li sā’iri al-muslimīna*  
*min kulli dhanb, fastaghfirūhu innahu*  
*huwa al-ghafūru al-rahīm.*

Di sedut, diterjemah daripada:

**Akhbar al-‘Ālam al-Islāmī**

SUDAH TERBIT!

## Kesah2 Dari Sejarah Islam Untok Bacaan Kanak2

Isi-lah Almari “TAMAN BACHAAN” anak tuan2 di-rumah dan di-sekolah2 dengan buku2 cherita yang berdasarkan pendidekkan Islam. Mendidek jiwa kanak2 ka-arrah semangat chintakan Islam ada-lah kewajipan ibu bapa dan guru2. Galakkan-lah anak tuan2 membacha buku “Siri Kesah Tokoh2 Sejarah Islam” yang kami susun khas untok bacaan kanak2 bagi menambah pengetahuan mereka memperkenali Tokoh2 Islam di-zaman silam.

Buku ini kami terbitkan dengan chara bersiri2 dan akan di-terbitkan terus menerus dari suatu masa ka-suatu masa.

Siri	I : RUPA YANG BUROK	...	...	40 sen
“	II : RAHSIA TERBUKA	...	...	50 “
“	III : MENJINAKKAN	...	...	50 “
“	IV : GABNOR dan HAKIM	...	...	60 “
“	V : DUSTA YAHUDI	...	...	40 “
“	VI : MENCHARI YANG HALAL	...	...	40 “
“	VII : IBNU SINA	...	... (Sedang di-sapkan)	
“	VIII : KHAULAH DENGAN SUAMINYA	...	“	
“	IX : DI-PENCHILKAN	...	“	

Tiap2 pesanan tambah wang stem 10 sen.

(Untok satu siri).

Pesan-lah kapada:

QALAM  
8247, Jalan 225,  
Petaling Jaya,  
SELANGOR.

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah *yastami ‘ūna*.

# Sajak

## Di Pinggir Provinsi Kerdil

(Buat Israel menawan Baitul Maqdis)

Di pinggir provinsi kerdil di sinilah

Aku bergelumang darah, bermandikan nanah

Mutiara suci gugur pecah-pecah

Bondaku diperkotak-katik dek penjajah.

Datang Dajal penjajah bermanis muka

Di dalam hati rapi mipokrit<sup>1</sup> bermuka-muka.

Aku diberi minum sharbat gila. Tuba!

Mabuklah diri terpinga-pinga, terpukau-pukau

Nirwana segala-gala...

Insafilah duhai anak-anak watan Islam

Maralah, maralah...dinamis maju ke hadapan

Persetan manis-manis umpan dan gertakan

Teruslah dengan keimanan....

Dan mengibarkan bendera kebebasan!!!

## Di Bawah Kalimah *Lā Ilāha Illā Allāh*

Di bawah kalimah *lā ilāha illā Allāh*

Pengarah Maha Agung — Tuhan yang disembah

Penyuluh sekitar jalan kalian makhluk

Pandulah jiwa ini mengembara liku-liku hidup.

Dibawa kalimah *lā ilāha illā Allāh*

Dua pusaka murni pendamai di musim redup

Hidayahlah nur mulia, kodus di jiwa bertapak

Hindarlah diri ini tercebur ke daerah penyakit.

Di bawah kalimah *lā ilāha illā Allāh*

Ayuh mari kita bersatu mengorak membuka langkah

Di lembaran sejarah Badar Khālid al-Walīd dan Ḥamzah

Di tangan keris dahagakan darah.

Di bawah kalimah *lā ilāha illā Allāh*

Di sana hati masih berbelah-belah

Rohani karat-karat jasmani gebu indah

Dada membusung, mata berapi merah

Oh, manisnya madu sharbat....

Di bawah kalimah *lā ilāha illā Allāh*

Tidakku rela bumi ini dijajah

Muhammad Rasulallah

Marilah berganding mengadap satu kiblat!!

Gubahan:

**S. Hadi. Nur Shamsuddin**

**Kelantan**

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah hipokrit.

## Kewajipan Jihad Menjelang Tiba!

Kian hari pencerobohan-pencerobohan yang dilakukan oleh tentera-tentera Yahudi ke atas negara-negara Arab kian menjadi-jadi. Beribu-ribu nyawa orang-orang Islam telah menjadi korban permusuhan yang dilancarkan oleh mereka, bagi mereka nyawa seorang manusia itu dianggapnya seperti nyawa seekor ikan. Penyembelihan-penyembelihan dan pembunuhan-pembunuhan boleh dikatakan setiap hari berlaku. Di samping itu berjuta-juta pula bilangan orang-orang Islam Arab menjadi orang-orang pelarian diusir keluar dari kampung halaman dan tanah air mereka yang dicintai.

Namun demikian penganjur-penganjur Arab dan pemimpin-pemimpin Islam masih lagi bersengketa sesama sendiri, hingga kewajipan berjihad yang telah tiba di ambang pintu rumah mereka, tidak mereka endahkan sama sekali.

Memandang kepada keadaan yang amat mendukacitakan inilah, maka Faḍīlah al-Shaykh Abdullah Khayat — imam besar Masjid al-Haram — baru-baru ini dalam sebuah khutbah khas telah menyeru seluruh umat Islam supaya mereka menyusun “barisan jihad” untuk menentang agresi-agresi pencerobohan yang telah dilakukan oleh tentera-tentera Yahudi yang kejam dan ganas itu. Ikutilah “seruan jihad” yang telah beliau ucapkan dari atas minbar Masjid al-Haram yang telah disiarkan terus-menerus oleh Radio Makkah — Pengarang.

Terjemahan: Abdul Aziz al-Murshidi

Saudara-saudaraku kaum Muslimin:

Ada suatu soal, malahan ada banyak soal yang sedang dihadapi oleh seluruh umat Islam di seantero dunia, soal kecil dan soal besar, kesemuanya itu mestilah diatasi oleh umat Islam sendiri, lantaran soal itu adalah berhubung dengan soal diri mereka sendiri. Di antara soal yang terpenting sekali yang mesti mereka hadapi ialah soal “jihad”.

Tidakkah mereka ketahui bahawa “jihad” itu adalah lambang keagungan Islam yang diwajibkan Allah *Subḥānahu wa Ta’ālā* bila mana tiba masa dan waktunya? Dalam Islam “jihad” tidak boleh dilakukan pada sepanjang waktu, malahan “jihad” mempunyai masa yang tertentu. Masa “jihad” yang wajib dan mesti dilaksanakan oleh orang-orang Islam ialah:

“Mempertahankan kehormatan dan maruah agama dan negara dari sebarang pencerobohan yang didatangkan oleh musuh-musuh dari luar dan dalam. Serta menghapuskan segala kezaliman yang melampaui batas perikemanusiaan.”

Ini memang telah ditegaskan oleh Allah *Subḥānahu wa Ta’ālā* dengan firman-Nya yang berbunyi: “*Udhina lilladhīna yuqātilūna*

*bi annahum zulimū wa inna Allāha ‘alā naṣrihim laqadīr’*.”

Ertinya: “Diizinkan (Allah berperang) bagi mereka yang diperangi (diserang), sesungguhnya mereka itu teraniayai dan sesungguhnya Allah berkuasa menolong mereka.” (*Sūrat al-Ḥajj: 39*)

Meskipun “jihad” itu mempunyai masa yang tertentu, tetapi kewajipannya tetap kekal hingga ke Hari Kiamat, umat Islam akan terus-menerus memikul kewajipan berjihad ini hingga ke saat datangnya “Dajal” di akhir zaman yang wajib ditentang dan dimusnahkan dengan perantaraan “jihad”.

Melihat kepada begitu lancangnya tentera-tentera Yahudi melanggar dan merampas sebidang demi sebidang bumi suci yang dimiliki oleh orang-orang Islam di bumi Palestin dijadikan hak milik mereka, memperkosa dan mengusir keluar penduduk-penduduk asli kampung-kampung dan desa-desa yang mereka rampasi dengan secara kejam, maka sudah tibalah masanya kewajipan seluruh umat Islam bangkit serentak melancarkan “jihad *ft sabīli Allāh*” untuk menentang segala pencerobohan dan kezaliman orang Yahudi<sup>1</sup> yang telah melampaui batas perikemanusiaan terhadap

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah Yahudi.

## Kewajipan Jihad...

saudara-saudara kita orang-orang Islam di Ghazzah, Sinai, Baitul Maqdis dan seluruh bumi Palestin.

Di bawah mahligai kemakmuran hidup, orang-orang Islam telah melalaikan diri mereka daripada kewajipan jihad terhadap agama, bangsa dan tanah air mereka sendiri, dengan secara diam-diam orang-orang Yahudi *Zionist* yang dilaknat Tuhan itu bergerak perlahan-lahan mengatur barisan untuk meruntuhkan mahligai hak kepunyaan orang Islam dan merampas bumi mereka yang kaya dan subur itu dijadikan hak milik mereka bagi membina sebuah kerajaan haram yang dinamakan “*Dawlah Isrā’iliyyah*”.

Dalam masa yang sebegitu singkat, cita-cita orang-orang Yahudi yang kotor itu telah dapat mereka laksanakan, hasil dari kata sepakat dan tenaga perpaduan yang mereka bina dengan begitu kukuh dan konkrit. Kini boleh dikatakan keseluruhan bumi Palestin telah berada di dalam cengkaman kuku besi mereka yang begitu durjana dan begitu ganas. Sehingga “Baitul Maqdis” kota suci hak milik mutlak kepunyaan orang-orang Islam dari sejak beratus abad yang silam, telah dapat mereka rampas dalam masa kurang dari satu minggu.

Namun begitu besarnya bala bencana yang telah diturunkan Tuhan ke atas orang-orang Islam, mereka masih juga tidak mahu bersatu, bergerak maju, menyusun barisan yang satu, menggempur musuh melalui tenaga “jihad” yang diwajibkan oleh Islam. Mereka masih ragu-ragu untuk mencapai dua kemenangan yang telah dijanjikan Tuhan — sama ada menang hidup mulia di alam fana ataupun gugur syahid hidup bahagia di alam *baqā’*. Mengapa orang-orang Islam yang hidup di zaman serba maju ini, jiwa mereka dikelumbungi

oleh perasaan ragu-ragu? Tidakkah mereka yakin dan percaya akan jaminan Tuhan yang tercatat di lembaran kitab suci dengan firman-Nya:

“*Wa lā taḥsabanna alladhīna qutilū fī sabīli Allāhi amwātān bal aḥyā’un ‘inda rabbihim yurzaqūn. Fariḥīna bi mā ātāhumu Allāhu min faḍlih.*”

Ertinya: “Janganlah engkau menyangka bahawa orang-orang yang terbunuh (gugur syahid) dalam perang (jihad) di jalan Allah itu mereka mati, bahkan (pada hakikatnya) mereka itu hidup pada sisi Tuhan, serta mereka mendapat rezeki, mereka bersuka ria dengan kurnia yang dilimpahkan Allah kepada mereka.” (*Sūrat Āli ‘Imrān*: 169-170).

Tidakkah menjadi suatu kehinaan kepada kita orang-orang Islam yang berjumlah 600,000,000 jiwa yang hidup bertaburan di seluruh dunia pada hari ini, tidak sanggup menentang kekuatan orang-orang Yahudi yang hanya berjumlah 14,000,000 jiwa itu? Ini tidak menghairankan, walaupun musuh-musuh kita berjumlah lebih kecil dari itu, kita tidak akan sanggup berhadapan dengan mereka, selagi kita tidak berbuat sesuatu, selain daripada bersengketa, bersilih faham dan bertengkar dengan tidak habis-habisnya di sepanjang zaman.

Penganjur-penganjur bangsa dan pemimpin-pemimpin negara Islam hari ini hanya pandai mengeluarkan jumlah-jumlah kata yang berapi-api di atas podium, berpidato di dalam sesuatu rapat umum sambil menepuk dada memekik, menjerit dan melaung-laung dengan mengatakan:

“Kita mesti berjuang..! Sekali berjuang tetap berjuang..! Kita mesti hancurkan musuh-musuh kita..! Kita mesti usir keluar tentera-tentera Yahudi yang telah merampas tanah air kita.. kita mesti musnahkan orang *Zionist* yang telah menodai kota-kota suci kepunyaan kita.. kita mesti itu.. dan